

11) RUMAH PANGSA KOS RENDAH TANPA GERAN STRATA

Adun : Y.B. Tuan Cheong Kian Young (Kajang)

Kategori : Lisan

Sesi : 1 (2026)

Sub soalan :

- a) Sila senaraikan Rumah Pangsa Kos Rendah yang masih belum mendapat geran strata di Daerah Hulu Langat.

Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan semakan melalui Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) sehingga Januari 2026, pecahan skim dan unit bagi Rumah Pangsa Kos Rendah di Daerah Hulu Langat yang masih belum mempunyai geran hakmilik strata adalah seperti berikut:-

Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	Jumlah Skim	Jumlah Unit
Majlis Perbandaran Kajang (MPKj)	10	2,004
Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)	34	9,261
Jumlah Keseluruhan	44	11,265

- b) Berapakah bilangan Rumah Pangsa Kos Rendah yang dapat diselesaikan isu hak milik geran strata melalui Dana Strata Selangor?

Untuk makluman Yang Berhormat, Dana Strata Selangor (DSS) telah dilancarkan pada 30 Mei 2025 dan sehingga kini sebanyak **26 permohonan** telah diterima yang melibatkan **18,745 unit (seperti di lampiran)** bagi mendapatkan bantuan penyelesaian isu hakmilik strata.

Sehingga April 2026, sebanyak **tiga (3) projek melibatkan 730 unit** telah diluluskan bagi mendapatkan Dana Strata Selangor (DSS) dengan kos keseluruhan sejumlah **RM 2,220,130.27** bagi **Daerah Klang dan Hulu Langat**. Oleh yang demikian, terdapat juga permohonan daripada pihak pemaju bagi penyelesaian isu hakmilik strata tanpa perlu mendapatkan / menggunakan peruntukan Dana Strata Selangor (DSS) di mana pihak LPHS sebagai *mediator* dalam membantu bagi menyelesaikan isu-isu teknikal yang melibatkan strata dan lain-lain.